



# KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,  
62623 Putrajaya

No. Telefon : 03-8882 5562  
No. Fax : 03-8882 5569

## PENGUMUMAN SKIM HARGA MAKSIMUM MUSIM PERAYAAN PESTA KAAMATAN DAN HARI GAWAI 2024

**SABAH, 24 MEI 2024** - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) akan melaksanakan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Pesta Kaamatan pada 27 Mei 2024 sehingga 2 Jun 2024 dan SHMMP Hari Gawai pada 29 Mei 2024 sehingga 4 Jun 2024. Tempoh pelaksanaan skim tersebut masing-masing ialah selama 7 hari iaitu 3 hari sebelum perayaan, 1 hari semasa perayaan dan 3 hari selepas perayaan.

Tempoh pelaksanaan adalah bersesuaian mengikut keadaan semasa, iaitu mewujudkan suasana menang-menang kepada pengguna dan peniaga. Pengguna dapat menikmati harga yang berpatutan dan peniaga pula tidak terkesan dengan tempoh masa pelaksanaan yang terlalu lama.

KPDN telah mengenal pasti sebanyak 8 jenis barangan yang akan dikawal di bawah skim ini. Senarai barangan, paras harga maksimum, dan tempoh pelaksanaan skim ini ditentukan berdasarkan beberapa faktor seperti cuaca, ekonomi global, kadar tukaran wang asing, kos dan beberapa faktor lain.

Selain itu, penentuan harga ini dibuat dengan mengambil kira pandangan daripada Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) dan agensi di bawahnya serta pemain-pemain industri. Senarai barangan terlibat ialah seperti berikut:

**BARANGAN HARGA TERKAWAL  
SKIM HARGA MAKSIMUM MUSIM PERAYAAN PESTA  
KAAMATAN 2024**

- (1) Kepak Ayam
- (2) Daging kerbau import (India)
- (3) Bawang merah kecil (India)
- (4) Bawang putih (China)
- (5) Cili kering keriting
- (6) Babi hidup  
*(\*Harga maksimum di peringkat ladang sahaja)*
- (7) Daging babi (perut)
- (8) Daging babi (daging dan lemak)

**BARANGAN HARGA TERKAWAL  
SKIM HARGA MAKSIMUM MUSIM PERAYAAN  
HARI GAWAI 2024**

- (1) Ayam tua hidup
- (2) Kepak ayam
- (3) Bawang putih (China)
- (4) Kubis bulat import (Indonesia dan China tidak termasuk kubis Beijing)
- (5) Cili kering keriting
- (6) Babi hidup  
*(\*Harga maksimum di peringkat ladang sahaja)*
- (7) Daging babi (perut)
- (8) Daging babi (daging dan lemak)

Hasil analisis dan pemantauan semasa, pihak Kementerian mendapati sekiranya barangan tersebut tidak dikawal, harga barangan tersebut dipercayai akan berada di paras harga yang lebih tinggi akibat peningkatan permintaan menjelang musim perayaan, semasa perayaan dan selepas perayaan. Analisis yang dilakukan mendapati harga beberapa barang yang dikawal memberi impak positif kepada pengguna ketika berbelanja untuk membuat persiapan menyambut perayaan nanti.

SHMMP Pesta Kaamatan dan Hari Gawai 2024 akan dikuatkuasakan melalui Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011 bagi membolehkan penentuan harga dibuat. Harga maksimum yang telah ditetapkan untuk skim ini di peringkat pemborong dan peruncit boleh disemak melalui laman web Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup di [www.kpdn.gov.my](http://www.kpdn.gov.my).

Pegawai Penguat Kuasa KPDN akan ditugaskan di lokasi strategik seperti di pasar awam, pasar tani, pasar tamu dan pusat membeli-belah barangan keperluan perayaan.

Kementerian sentiasa menjalinkan kerjasama dengan KPKM bagi memastikan bekalan barangan yang dikawal mencukupi sepanjang tempoh pelaksanaan skim. Pada masa yang sama, penguatkuasaan secara berhemah dilaksanakan dengan memberi pendidikan, nasihat dan amaran supaya para peniaga mematuhi undang-undang yang berkuat kuasa dan mengamalkan peniagaan yang beretika.

Kerajaan berharap semua pihak dapat mematuhi harga yang telah ditetapkan dan menggunakan label merah jambu bagi barangan yang dikawal harganya. Adalah diingatkan bahawa tindakan tegas akan diambil terhadap peniaga yang gagal mematuhi peraturan-peraturan di bawah skim ini. Mana-mana peniaga yang melakukan kesalahan akan diambil tindakan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 dan boleh dikenakan penalti seperti berikut:

- (i) Kesalahan menjual barangan harga terkawal melebihi harga maksimum:
  - (a) Individu; boleh didenda oleh mahkamah sehingga RM100,000 atau dipenjarakan tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya atau dikompaun sehingga RM50,000; dan
  - (b) Syarikat; boleh didenda sehingga RM500,000 atau dikompaun sehingga RM250,000;

- (ii) kesalahan gagal meletakkan tanda harga berwarna merah jambu bagi barangan harga terkawal:
  - (a) individu; boleh didenda oleh mahkamah sehingga RM10,000 atau dikompaun sehingga RM5,000; dan
  - (b) syarikat; boleh didenda sehingga RM20,000 atau dikompaun sehingga RM10,000.

Jika didapati ada peniaga yang tidak mematuhi undang-undang berkenaan dengan skim ini, pengguna boleh menyalurkan aduan kepada Kementerian melalui:

- (i) WhatsApp 019-279 4317/019-848 8000;
- (ii) Portal e-Aduan KPDN iaitu <http://eaduan.kpdn.gov.my>;
- (iii) Pusat Panggilan 1-800-886-800;
- (iv) E-mel e-aduan@kpdn.gov.my;
- (v) Aplikasi Telefon Pintar Ez ADU KPDN; dan
- (vi) Bilik Gerakan Penguatkuasaan 03-8882 6088 / 6245.

Selamat menyambut Pesta Kaamatan dan Hari Gawai diucapkan kepada seluruh masyarakat Malaysia yang meraikannya. Kotobian Tadau Tagazo Do Kaamatan! Gayu Guru Gerai Nyamai, Lantang Senang Nguan Menua.

**YB DATUK ARMIZAN MOHD ALI**

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri  
dan Kos Sara Hidup

**###**